

Perolehan suku pertama Sunway Reit RM141.2 juta

KUALA LUMPUR 1 Nov.

- Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) merekodkan perolehan RM141.2 juta pada suku pertama tahun kewangan berakhir 2018 sementara pertumbuhan pendapatan harta tanah bersih (NPI) meningkat 15.5 peratus kepada RM111 juta.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn. Bhd., Datuk Jeffrey Ng berkata, prestasi kukuh itu dibantu oleh semua segmen perniagaan dengan mencatat hasil yang tinggi.

Menurut beliau, segmen perhotelan menjadi penyumbang utama dengan peningkatan pendapatan dan NPI masing-masing sebanyak 40.9 dan 43.7 peratus.

"Penyiapan kerja-kerja pemuliharan operasi dan pengubahsuai Hotel Sunway Pyramid yang selesai pada Jun lalu menjadi penyumbang utama kepada segmen perhotelan.

"Tambahan pula, Hotel Sunway Putra menikmati purata penginapan yang tinggi berikutan pertambahan permintaan susulan penganjuran Sukan SEA dan Para ASEAN 2017 pada Ogos dan September lalu," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Ng menambah, pendapatan



JEFFREY NG

segmen peruncitan meningkat 3.9 peratus kepada RM103.6 juta disebabkan purata pengambilan yang tinggi terhadap kedai-kedai di pusat beli-belah terutama di Sunway Pyramid.

Katanya, NPI juga meningkat sebanyak RM78.3 juta berikutan hasil yang tinggi dan penurunan kos operasi harta tanah.

"Sementara itu, purata pertumbuhan hasil dan NPI segmen pejabat adalah 8.1 dan 8.5 peratus dipacu oleh pengambilan yang tinggi terhadap Menara Sunway dan Menara Sunway Putra. Kami yakin dengan prestasi ini inisiatif pengukuhan aset yang dilaksanakan sebelum ini telah menunjukkan kemajuan yang positif," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau mengjangkakan pertumbuhan sederhana bagi Sunway REIT untuk tempoh kewangan 2018 dengan dibantu perkembangan segmen peruncitan dan hotel.

"Selain itu, hasil turut disumbangkan oleh pengambilalihan terbaru yang akan memberi kesan positif kepada agihan pendapatan akhir seunit (DPU) pada masa depan," ujarnya.